



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00 pagi, 16 November 2025

Untuk Terbitan Media
16 November 2025

SIARAN MEDIA

PERKESO LANCAR MYFUTUREJOBS GALAXY, PERKUKUH EKOSISTEM PERKHIDMATAN PEKERJAAN NEGARA MENERUSI AI

KOTA BELUD: Berteraskan kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin, MYFutureJobs Galaxy Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang dilancarkan hari ini adalah langkah baharu dalam usaha memperkukuh ekosistem perkhidmatan pekerjaan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, platform baharu itu dibangunkan untuk memberi nilai tambah kepada sistem sedia ada, MYFutureJobs, dengan memperkenalkan integrasi teknologi pintar dan analisis pasaran buruh yang komprehensif.

Tambahnya, dibina berasaskan konsep *National Career Intelligence*, MYFutureJobs Galaxy berfungsi sebagai pusat rujukan pintar yang menghimpunkan pelbagai data pasaran buruh untuk dimanfaatkan oleh pencari kerja, majikan, pembuat dasar dan pelajar.

“Platform ini bukan sekadar portal cari kerja, tetapi satu ekosistem maklumat masa depan, membolehkan pengguna memahami profil pekerjaan, merancang laluan kerjaya, memetakan kemahiran dan meneliti ramalan pasaran buruh mengikut keperluan industri.

“Disokong oleh teknologi AI dan *machine learning*, MYFutureJobs Galaxy mampu meneliti ribuan lapisan data untuk menghasilkan pandangan yang tepat, mendalam dan strategik.

“Penerapan teknologi ini memastikan setiap keputusan yang dibuat oleh individu, majikan atau kerajaan berpaksikan data yang kukuh dan berorientasikan masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena *Karnival LINDUNG Kerjaya MYFutureJobs @ Kota Belud* di Sabah 2025, pada Ahad.

Sebanyak 30 majikan menyertai program itu dengan penawaran kira-kira 2,000 kekosongan jawatan seperti *Procurement Engineer*, *Pipeline Welder*, Juruteknik, Pegawai Pemasaran, Penolong Pengurus, Pengurus Jualan, Eksekutif Akaun, Pengurus serta pelbagai lagi dengan gaji mencecah RM16,000.

“Tanpa penyertaan aktif pihak majikan, kejayaan program seperti ini tidak mungkin dicapai. Saya berharap peluang pekerjaan yang ditawarkan hari ini dapat diisi oleh mereka yang hadir,” ujar Zahid lagi.

Sehingga Oktober tahun ini, PERKESO Sabah merekodkan lebih 11,000 penempatan pekerjaan, membuktikan keberkesanan pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan melalui agensi berkenaan dalam membantu pencari kerja.

Pelancaran MYFutureJobs Galaxy mengukuhkan lagi peranan PERKESO sebagai peneraju pasaran kerja negara, selaras hasrat kerajaan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, berdaya tahan dan bersedia menghadapi perubahan ekonomi digital.

Selain itu, PERKESO kini giat menambah baik Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) bagi memperkukuh, memperluas dan mempertingkatkan perlindungan yang lebih adil serta berwawasan, sejajar keperluan pasaran kerja negara yang terus berkembang.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

16 November 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikhlil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my